

**PU. Pk. 81/70-54 Jld. 4
(27 Ogos 2013)**

**Undang-Undang Kecil
(Mengkompaun Kesalahan-
Kesalahan) Pihak Berkuasa
Tempatan Negeri Perak)**

Jalan, Parit dan Bangunan 2013

**(AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974)
(Akta 133)**



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
Bil. 21

10hb Oktober 2013

TAMBAHAN No. 25
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 49.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

(Akta 133)

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN
2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan Parit dan Bangunan 2013** dan hendaklah terpakai bagi semua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Perak dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Datuk Bandar suatu Majlis Bandaraya dengan sah disisi undang-undang;

“Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah yang berkenaan; dan

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah disisi undang-undang.

Pengkompaunan Kesalahan

3. (1) Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam ruang A Jadual Pertama boleh dikompaun dengan jumlah bayaran seperti yang dinyatakan dalam ruang B Jadual Pertama.

(2) Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang berhak mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

4. (1) Jumlah wang yang boleh dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan bagi mengkompaun suatu kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta hendaklah tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada kadar maksimum denda yang boleh dikenakan.

(2) Segala wang pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draft yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dan dipalang “Akaun Penerima Sahaja”. Pembayaran juga boleh dibuat malalui apa-apa cara lain seperti yang ditetapkan oleh pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dari semasa ke semasa.

(3) Pembayaran boleh diserahkan sendiri di Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan atau mana-mana cawangan yang ditetapkan dan sekiranya bayaran dibuat melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Datuk Bandar atau Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan sebagai wang hasil Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang telah diberikan tawaran mengkompaun itu.

(5) Tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang Jadual Kedua.

Pembatalan dan Peruntukan Peralihan

5. (1) Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 1992 [Pk.P.U. 11/1992] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)

(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK)

JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2013

[undang-undang kecil 3]

A	B
Kesalahan-Kesalahan	Had Jumlah Bayaran Kompaun
Seksyen-seksyen—72(4), 84(2) dan 124(3) Akta	Tidak melebihi RM125.00
Seksyen-seksyen—4(3), 29, 30, 31, 38, 39(1), 46, 47(1), 56, 57, 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) dan 104(3) Akta.	Tidak melebihi RM250.00
Seksyen-seksyen—9(9), 34, 39(2), 40, 41, 42, 43, 47(2), 55, 58, 59, 70(11), 70(12), 72(3), 80, 100 dan apa-apa kesalahan lain di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata.	Tidak melebihi RM500.00
Seksyen-seksyen—9(7), 52, 82(3) dan 85(3) Akta ini atau kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana Undang-Undang Kecil yang dibuat di bawahnya	Tidak melebihi RM1,000.00

A	B
Seksyen-seksyen—16(3) dan 17(4) Akta	Tidak melebihi RM2,500.00
Seksyen-seksyen—70(13), 73(1), 73(2) dan 121 Akta	Tidak melebihi RM5,000.00
Seksyen—70A(9) Akta	Tidak melebihi RM25,000.00
Seksyen-seksyen—70B(15) dan 85A (13) Akta	Tidak melebihi RM50,000.00
Seksyen—71 Akta	Tidak melebihi RM250,000.00

JADUAL KEDUA

**UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK)**
JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2013

BORANG

[undang-undang kecil 4]

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan
Menurut maklumat / aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan undang-undang berkaitan

Tarikh : Waktu :

Tempat :

Butir-butir kesalahan :

(2) Tuan/puan dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberikan kepada saya oleh Undang-Undang kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak) Jalan, Parit dan Bangunan 2013, saya bersedia dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM.....

Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draft yang dibuat untuk dibayar kepada Datuk Bandar / Yang Dipertua Majlis dan dipalang “Akaun Penerima Sahaja” atau boleh diserahkan sendiri ke alamat yang berikut:

.....

Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Datuk Bandar / Dipertua Majlis suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila kompaun dibayar. Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Tawaran ini akan tamat selepas empat belas (14) hari dari tarikh ianya dikeluarkan. Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan / puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh:

*

*(untuk ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan)

MENERIMA TAWARAN MENGKOMPAUN

Kepada:

Datuk Bandar/Yang Dipertua

.....
.....
.....

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan dan bertarikh Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama-sama ini wang tunai / kiriman wang pos / pesanan juruwang / pesanan bank / bank draft bank no. sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia) bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan :.....

Nama (Huruf Besar) :.....

No. K/P :.....

Alamat :.....

Tarikh :.....

Dibuat pada 27 Ogos 2013
 [PSUK.Pk. (KT) (R) 600 Jld. 2;
 PU. Pk. 81/70-54 Jld. 4]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

(Act 133)

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(PERAK LOCAL AUTHORITIES) BY-LAWS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133], the State Authorities hereby make the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Compounding Offences) (Perak Local Authorities) By-Laws 2013** and it shall apply to all Local Authority areas in Perak and shall comes into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these by-laws unless the context otherwise required—

“Act” means the Street, Drainage and Building Act 1974 [Act 133];

“Mayor” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of Mayor of a City Council;

“Local Authority” means any City Council, Municipal Council or District Council in Perak, as the case may be; and

“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of President of a Municipal Council or District Council.

Compounding of offences

3. (1) The offences specified in the column A of the First Schedule may be compounded by the payment of such amount as specified in the column B of the First Schedule.

(2) The Mayor, President, Secretary, Legal Officer or Assistant Legal officer of the Council may compound any offence under paragraph (1) by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money for that offence within such extended period in the offer.

(3) An offer under paragraph (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extented period as the Mayor, President, Secretary, Legal Officer or Assistant Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time that against the person to whom the offer was made.

(4) If an offence has been compounded under paragraph (2), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

Sum to be collected and method of payment

4. (1) The sum of money to be collected for compounding offences under any by-laws made under the Act shall not exceed a sum equal to fifty per cent of the maximum amount of a fine with which the offence is punishable.

(2) Payment of the sum shall be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Mayor or President of the Local Authority concerned and crossed "Account Payee Only". Payment may also be made by any other method as determined by the Local Authority concerned from time to time.

(3) Payment may be delivered personally to the office of the Local Authority concerned or to any branch offices but if sent by post, must be addressed to the Mayor or President of the Local Authority concerned.

(4) Every payment received shall be credited to the revenue of the Local Authority concerned and an official receipt shall be issued to the person to whom the offer to compound was made.

(5) An offer to compound any offences and acceptance of the offer shall be made in Form in the Second Schedule.

Revocation and transitional provision

5. (1) The Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Perak Local Authorities) By-Laws 1992 [Pk.P.U. 11/1992] is revoked.

(2) Any notice, order, compound, license or documents made or issued under the revoked By-Laws shall, be deemed to be made or issue under these By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

FIRST SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPAUNDING OF OFFENCES) (PERAK LOCAL AUTHORITIES) BY-LAWS 2013

[by-law 3]

A Offences	B Limit of sum payables on compound
Sections—72(4), 84(2) and 124(3) of the Act	Not exceeding RM125.00
Sections—4(3), 29, 30, 31, 38, 39(1), 46, 47(1), 56, 57, 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) and 104(3) of the Act.	Not exceeding RM250.00
Sections—9(9), 34, 39(2), 40, 41, 42, 43, 47(2), 55, 58, 59, 70(11), 70(12), 72(3), 80, 100 and any other offences under this Act in which no penalty is expressly provided.	Not exceeding RM500.00

A	B
Sections—9(7), 52, 82(3) and 85(3) or offences under any By-Laws made under this Act.	Not exceeding RM1,000.00
Sections—16(3) and 17(4) of the Act	Not exceeding RM2,500.00
Sections—70(13), 73(1), 73(2) and 121 of the Act	Not exceeding RM5,000.00
Section—70A(9) of the Act	Not exceeding RM25,000.00
Sections—70B(15) and 85A(13) of the Act	Not exceeding RM50,000.00
Section—71 of the Act	Not exceeding RM250,000.00

SECOND SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPAUNDING OF OFFENCES)
(PERAK LOCAL AUTHORITIES) BY-LAWS 2013

[By-laws 4]

AN OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

To:

.....

Sir/Madam,

Reference

It appears to me, on information / complaint received, that you have committed the following offence:

Relevant provision of the law

Date: Time:

Place:

Particulars of offence:

(2) You are hereby informed that, by virtue of the authority conferred to me by Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Perak Local Authorities) By-Laws 2013, I am prepared, and hereby offer to compound the offence for the sum of RM If this offer is accepted, payment must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the Mayor / President and crossed "Account Payee Only" or may be delivered personally to the following address

.....

Payment by post must be addressed to the Mayor / President, Council. An official will be issued upon payment. Payment may also be made by any other method as determined by the Council from time to time.

(3) This offer will lapse after fourteen (14) days from the date its issued. If full payment of the sum stated above is received by the close of business on that date, no further proceeding will be taken againts you in respect of the offence, otherwise, prosecution will be instituted without further notice.

Date:

*

* (to be signed by an Authorized Officer in which his name and designation to be stipulated below the signature)

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND

To:

Mayor / President

.....
.....
.....

I refer to the offer to compound an offence and bearing reference dated I accept the offer and enclose herewith cash /money order / postal order / cashier's order / banker's order / banker's draft No. for the sum of RM (Ringgit Malaysia:) in full settlement of the compound.

Signature:

Name (Capital Letters) :.....

NRIC No.:

Address:

Date:

Made 27 Ogos 2013

[PSUK.Pk. (KT) (R) 600 Jld. 2;
PU.Pk. 81/70 Jld. 4]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

